

Sah tiada kebocoran

Kotak berisi bahan radioaktif didakwa basah kini selamat



HAZMAT membuat pemeriksaan ke atas kakitangan Pos Aviation dan kotak barang perubatan yang dilaporkan mengandungi cecair radioaktif di KLIA.

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Sepang

Tiada kebocoran bahan radioaktif berlaku di Gudang Kargo Pos Aviation Sdn Bhd berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

Perkara itu disahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selepas pemeriksaan dan siasatan lanjut dijalankan.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Selangor, Hafisham Mohd Noor berkata, ia selepas pemeriksaan dilakukan bomba bersama Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) terhadap kotak yang basah di lokasi kejadian.

Katanya, kotak berkenaan mengandungi barangan perubatan seberat 20 kilogram (kg) termasuk cecair Iridium Metalsolid 192 iaitu cecair radioaktif.

"Selepas pemeriksaan bersama AELB, kita dapati tiada kebocoran. Kakitangan di Pos Aviation Sdn Bhd mendapati basahan di kotak. Saya nampak kakitangan ini mempunyai kesedaran yang tinggi.

"Bagaimanapun, apabila kita periksa ternyata tiada kebocoran dan kini dalam keadaan selamat," katanya di sini, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, lokasi berkenaan

dalam keadaan selamat dan pemeriksaan selesai dibuat sekitar jam 3.30 petang.

"Lebih 40 kakitangan dibenarkan memasuki bangunan kecuali kawasan berkaitan saja yang kita kawal. Kita minta syarikat berkaitan mengambil barang berkenaan," katanya.

Ditanya mengenai basah pada kotak itu, Hafisham berkata, pihaknya tidak pasti mengenai punca berkenaan, namun mengesahkan ia bukan daripada bahan radioaktif.

"Kita tidak tahu yang basah itu apa dan apabila diperiksa sekeliling, ternyata tiada kebocoran. Basahan itu bukan daripada bahan berkenaan.

"Tidak pasti ia air hujan sebab kawasan berkenaan memang bertutup dan hendak masuk ke situ pun susah kerana ia berkaitan bahan radioaktif, jadi tempat simpanan itu memang dikawal rapi," katanya.

Terdahulu, JBPM Selangor dalam kenyataannya memaklumkan, berlaku kebocoran radioaktif di lokasi berkenaan dipercayai memabitkan bahan diletakkan di dalam kotak.

Menurut kenyataan itu, panggilan kecemasan diterima Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) KLIA pada 10.42 pagi, seterusnya jentera dari BBP KLIA dan Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat) dari BBP Shah Alam ke lokasi.



Kita tidak tahu yang basah itu apa dan apabila diperiksa sekeliling, ternyata tiada kebocoran"

Hafisham

